

Naskhah klasik sarat nasihat

Hikayat Panca Tanderan diterjemah Abdullah Munsyi daripada naskhah lama berbahasa Tamil

Oleh Nur Muhamad Fansuri
bhsastera@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sastera itu sifatnya mendidik dan bagaimana kaedah penyampaiannya terpuanglah kepada pengkaryanya. Dalam sejarah perkembangan sastera Melayu, banyak sekali naskhah klasik yang membawa pengajaran kepada pembaca.

Walaupun ada sesetengah naskhah klasik itu bukanlah karya asli sebaliknya diterjemah daripada bahasa asing, tetapi sifat mendidiknya itu masih lagi menjadi keutamaan.

Hal ini dapat dilihat dalam naskhah *Hikayat Panca Tanderan* yang diterjemah oleh Abdullah Abd Kadir Munsyi daripada versi bahasa Tamil. Dalam halaman awal naskhah berkenaan yang diterbitkan semula oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada 2016, proses terjemahan itu dibantu sahabatnya, Tammil Muttu Virabattar.

Turut dituliskan mengenai perkataan 'panca tanderan' yang dipetik daripada bahasa Sanskrit iaitu 'pencatran' yang merujuk kepada karya penuh ungkapan peradaban dan pengajaran kepada masyarakat.

Uniknya *Hikayat Panca Tanderan* ini kerana ia dibina dalam bentuk cerita berbingkai iaitu, kisah utama sebagai tunjangnya tetapi di dalamnya terdapat penceritaan mengenai perkara lain atau kata mudahnya, 'cerita dalam cerita'.

Kaedah cerita berangklai

Dalam sejarah sastera hikayat di Malaysia, naskhah dengan cerita berbingkai



Abdullah Munshi terjemah *Hikayat Panca Tanderan* daripada bahasa Tamil.

Sebahagian koleksi manuskrip klasik yang ada dalam simpanan di Malaysia termasuk di Perpustakaan Negara Malaysia.

ini bukanlah luar biasa sebaliknya ia juga ditemui dalam *Hikayat Bakhtiar*, *Hikayat Seribu Satu Malam* dan *Hikayat Bayan Budiman*.

Secara umum *Hikayat Panca Tanderan* ini mengangkat watak dua ekor serigala yang bersahabat baik dikenali sebagai Galilah dan Damimah yang menjadi menteri kepada Raja Singa. Justeru naskhah ini dibina dengan kaedah cerita berangklai ia mempunyai tiga lapisan kisah yang menyorot mengenai kehidupan haiwan lain.

Walaupun ia memerihalkan mengenai haiwan yang diberikan sifat manusia namun kekuatannya terletak pada watak yang memberi nasihat dan menyelesaikan masalah. Dalam konteks ini ia adalah naskhah satira yang menyindir perangai manusia sekali gus memberi nasihat.

Antaranya seperti yang boleh dilihat pada halaman 16 dan 17, "Empat perkara yang tiada dipeliharakan. Pertama-tama: nasi yang telah bercampur dengan racun; kedua: gigi yang bergoyang di tengah-tengah; ketiga: orang yang berkhianat; keempat: menteri yang hendak melebihi daripada rajanya. Bahawa empat perkara yang tersebut itu, tak dapat haruslah dicabut

dengan akar-akarnya dibuangkan. Maka, jikalau tiada, nescaya akan memberi bahaya yang amat besar pada akhirnya."

Larangan yang menyatakan 'menteri yang hendak melebihi daripada rajanya' seolah-olah menggambarkan seseorang yang mempunyai kedudukan yang sedikit rendah dalam memberikan keputusan, tidak wajarlah bersikap mengambil keputusan sendiri sedangkan masih ada pihak atau pemimpin yang lebih layak dalam memutuskan sesuatu keputusan atau arahan.

Selain itu, disebutkan juga lima nasihat dan implikasi terhadap pelanggaran sekiranya dilakukan oleh seseorang seperti disebut dalam halaman 20: "Pertama-tama, orang yang derhaka kepada ayah dan bondanya tiada beroleh bahagia hidupnya; kedua, seorang pun tiada dapat bersembunyi daripada malaikat maut; ketiga, kehendak raja itu tiada dapat diketahu; keempat, orang yang berpung-kampung dengan orang jahat itu pun tiada akan sentosa; kelima bahawa orang yang mencuri itu tiadalah boleh ia menjadi kaya; keenam, tiadalah orang yang lepas daripada hukuman raja."

Nasihat mengenai "seorang pun tiada dapat bersembunyi daripada malaikat maut" memberi gambaran bahawa makhluk yang hidup tidak akan terlepas daripada ajal, dan kematian itu pasti mendatang

seseorang tanpa mengira agama, bangsa dan status sosial, atau siapakah kita, di manakah kita berada, dan secepat manapun kita pada pandangan manusia.

Dalam kajian teks sastera klasik, keunggulan naskhah ini sebenarnya terserlah kepada cerita yang dituliskan menepati isu semasa, dan kadangkala menjadi kritikan kepada sesebuah komuniti, masyarakat atau perkara yang berhubung kait dengan kepimpinan.

Selain itu ia turut beberapa nasihat yang menjadi panduan kepada khlayak pembaca. Misalnya dalam halaman 30: "Barang siapa yang berbuat empat perkara ini, maka sekali-kali tiadalah ia mencium bau syurga; pertama, orang yang mengampunkan harta yang haram; kedua, orang yang merosakkan hukum keluarganya; ketiga, dengan kekerasan ia merosakkan anak isteri orang; keempat, orang yang menceraiberaikan orang dengan sahabatnya tiada dengan sebenarnya. Maka, adalah seperti hikayat orang dahulu kala; orang yang khianat itu mendapat khianat."

Dalam konteks peribahasa, seseorang yang mempunyai akhlak dan perilaku seumpama ini disebut juga sebagai 'musuh dalam selimut' sementara 'pencuri dalam selimut' yang bermaksud musuh yang tiada diketahui; atau lebih popular disebut sebagai 'batu api' yang bermaksud orang yang suka menghasut orang lain supaya bergaduh.

Kritikan masyarakat

Keseluruhan cerita berbingkai di dalam naskhah ini sarat pengajaran dan boleh boleh dianggap sebagai kritikan sosial, serta menjadi panduan bermanfaat kepada semua lapisan masyarakat.

Ia juga mempunyai keunikan dan nilai tersendiri kerana penuh dengan pedoman yang menggambarkan pengarang terdahulu mempunyai daya fikir yang kreatif serta dianugerahkan kemampuan memikirkan hal-hal yang bijaksana berkaitan dengan kehidupan, manusia dan alam, luas pengetahuannya, dan punya kemahiran penulisan penuh seni.

